



## Mohd Zuki dilantik semula Ketua Setiausaha Negara secara kontrak

Oleh Saadiah Ismail - Ogos 11, 2022 @ 10:52am  
[saadiah.ismail@bh.com.my](mailto:saadiah.ismail@bh.com.my)



Tan Sri Mohd Zuki Ali

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memperkenankan pelantikan semula Tan Sri Mohd Zuki Ali sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) secara kontrak.

Lantikan atas perakuan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu adalah selama dua tahun berkuat kuasa mulai 11 Ogos hingga 10 Ogos 2024.

Menurut kenyataan dari Pejabat Perdana Menteri, pelantikan semula Mohd Zuki adalah atas kepentingan negara kerana perkhidmatan beliau sebagai KSN masih diperlukan.

Mohd Zuki, 60, yang dilantik sebagai KSN sejak 31 Disember 2019 berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Nanyang University, Singapura pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Selain itu, beliau pernah bertugas di Istana Negara dan Jabatan Perdana Menteri serta pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.